



**SIARAN AKHBAR  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT**

**GANGGUAN APLIKASI *TRANSPORTBN*  
BAGI PERKHIDMATAN MEMBAHARUI LESEN KENDERAAN  
DAN LESEN MEMANDU**

**Khamis, 28 Rabiulawal 1443 / 4 November 2021** - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin memaklumkan bahawa perkhidmatan membaharui lesen kenderaan dan lesen memandu di dalam aplikasi TransportBN tidak dapat diakses disebabkan perubahan konfigurasi bagi penaiktarafan sistem yang sedang dilaksanakan.

Oleh itu orang ramai adalah disarankan untuk menggunakan perkhidmatan atas talian yang lain iaitu portal GOV.BN atau menghubungi Talian Darussalam 123 sehingga kerja-kerja penaiktarafan dan penambahbaikan aplikasi TransportBN selesai dilaksanakan dalam waktu terdekat ini.

Dikesempatan ini juga, JPD memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang berlaku kepada semua pemohon-pemohon yang ingin membaharui lesen kenderaan atau lesen memandu melalui aplikasi TransportBN ini.

Disediakan oleh  
Jabatan Pengangkutan Darat  
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Tarikh: 4 November 2021